

PEREMPUAN DALAM MAJLIS MESYUARAT

Qalam dengan gemarnya menyiarkan dibawah ini makalah pujangga hukama yang bertajuk “perempuan dalam majlis mesyuarat” iaitu suatu maudu’ yang sangat mustahak diketahui dan difaham dengan majlis kerana mengenai jenis yang lembut. P.

Di dalam kaedah ilmu *uṣūl al-fiqh* ada tersebut: “*al-ḥukum yadūru ma’a al-‘illah*”, ertinya segala hukum itu berputar bersama alatnya. Adana lat ada hokum. Berubah alat berubah pula hukumnya. Oleh kerana yang demikian maka dengan sendirinya perubahan tempat (makan) dan waktu (zaman), bukan sedikit pula mengubah hukum. Masalah-masalah *amar* (perintah) dan *nahī* (larangan) di dalam al-Quran dan al-Hadis yang terang jelas (sarih) nasnya pun selalu dijelaskan alatnya misalnya perintah sembahyang dikatakan: “*inna al-ṣalāta tanhā ‘ani al-faḥshā’i wa al-munkar*”. Sembahyang itu mencegah daripada kekejian dan munkar. Zina pun dilarang. Alatnya pun dinyatakan: “*innahu kāna fāḥishah*”-zina itu adalah sangat keji.

(oleh: al-Ḥaj ‘Abd al-Malik Karīm amr Allāh)

Maka di dalam perkara-perkara yang tidak ada nasnya yang sarih dalam Quran dan al-Hadis, baik amar atau nahī, berlakulah qiyas, atau ijthihad. Orang-orang yang berfaham tua mengatakan pintu ijthihad telah tertutup. Pada hal banyaklah timbul masalah-masalah bahari di dalam masyarakat yang nasnya di dalam al-Quran atau al-Hadis yang terang melarang atau menyuruh (sarih) tidak ada kalau kita berpegang dengan kata-kata “pintu ijthihad telah tertutup” ertinya kita sendirilah yang menutup mata dan fikiran kita di dalam menghadapi kenyataan-kenyataan yang tumbuh di dalam masyarakat.

Misalnya tentang adakah hak kaum perempuan untuk turut di dalam permesyuaratan, menjadi anggota dewan perwakilan rakyat? Di dalam parlimen?

Kalau kita pergi kepada al-Quran, tidaklah ada nas yang sarih menyuruh atau melarang. Yang jelas misalnya mengatakan janganlah perempuan duduk di dalam parlimen, Atau hendaklah perempuan duduk di dalam parlimen, yang ada hanya kata-kata umum. Misalnya “*wa amrahum shūrā bīnahum*” (perkerjaan mereka adalah mesyuarat di antara mereka), dan “*wa shā warahum*

fi al-amr” (dan bawa mesyuarat telah mereka di dalam pekerjaan itu). Ini pun pintu ijthihad. Ada setengahnya mengatakan bahawa perempuan tidak masuk di dalam damir “*hum*” itu. sebab “*hum*” ialah damir jama’ ghaib bagi *muzakkar* (lelaki). Kata setengahnya perempuan pun masuk di dalam “*hum*” itu. Seumpama “*yā ayyuhā al-dhīna amanū*”. Bukanlah semata-mata khatib kepada lelaki, perempuan pun masuk di dalamnya.

Oleh sebab itu teranglah bahawa daripada al-Quran sendiri pun kita hanya dapat berijthihad. Menampakkan hokum haramnya (masalah yang seperti itu. P.Q.) hanya dnegan ijthihad atau qiyas. Dan ijthihad atau qiyas itu tidaklah sama di antara satu mujtahid dengan mujtahid lain, kerana berlainan pula cara mereka memandang menurut pengalaman-pengalaman pengaruh tempat (makan) dan waktu (zaman).

Di dalam hadis atau di dalam sanat pun tidak ada larangan tegas perempuan turut dalam parlimen atau perwakilan; sebab pada zaman Rasulullah (SAW) belum ada parlimen atau perwakilan sebagai sekarang ini. Kalau kita cari-cari hanya bertemu bahawa perempuan

itu pernah datang bertanya urusan rumah tangganya kepada Rasulullah (SAW), pernah turut di dalam peperangan memberikan bantuan-bantuannya mengubah orang lalu. Menolong orang sakit, dan diizinkan pergi bersama-sama sembahyang aid ke tanah lapang, dan tidak dilarang pergi ke jemaah.

Kerana itu melarang atau mewajibkan perempuan turut di dalam perwakilan hanyalah dengan ijtihad, Dan di dalam undang-undang *uṣūl al-fiqh* juga tersebut bahawasanya usul segala hukum itu ialah boleh, (*al-ʿasl fī al-ḥukm al-ibāḥah*). Jadi kalau kembali kepada undang-undang pokok, berdasar undang-undang ini, hukum asalnya perempuan boleh turut jadi anggota parlimen. Kalau hendak menetapkan hukum melarang, Hendaklah ijtihadnya yang tepat. Mewajibkan pun hendaklah dengan tepat pula.

Sekarang mari kita ambil contoh negara-negara Islam dan pandangan ulama-ulamanya tentang perempuan menjadi anggota parlimen itu.

1. Di Mesir

Di dalam negara ini ulama-ulama Islam belum mengizinkan perempuan duduk di dalam parlimen. Apa sebab? Keadaan negara itu (makan) belum mengizinkan. Kaum perempuan yang terdidik di dalam didikan agama belum banyak. Hanya yang terbanyak perempuan didikan Barat. Yang menuntut dibolehkan duduk di parlimen oleh kaum ibu didikan Barat. (Perkumpulan Bintu al-Nīl). Imbangannya dari didikan Islam masih sedikit sekali. Bukankah al-Azhar sendiri sampai sekarang belum menyediakan tempat belajar agama bagi perempuan? Sehingga tiga orang puteri al-Faḍīl al-Ustādh Faḍlullāh Saḥīmī yang hendak belajar agama di al-Azhar tidak dapat diterima kerana tempat tidak ada?? Baharu sekurang pergerakan al-Ikhwān al-Muslimīn mengadakan didikan keislaman kaum ibu dengan nama al-Ikhwān al-Muslimāt.

2. Di Indonesia:

Di Indonesia sekarang ini ulama-ulama Islam mewajibkan seluruh Muslimin dan Muslimat memilih wakil Islam. Jika terjadi pemilihan umum. Dan pemerintah Indonesia sekarang, (yang belum berpemerintahan menurut hukum Islam) memberi jua hak terpilih dan memilih wakil Islam, tetapi maka kalau sekiranya ulama-ulama Islam Indonesia memfatwakan bahawa perempuan hanya boleh memilih wakil Islam tetapi haram memilih perempuan, akan timbullah fitnah daripada pihak musuh-musuh Islam, baik kaum kebangsaan yang benci agama, atau kaum komunis yang hendak menghapuskan agama. Kerana fitnah ini akan pecahlah kekuatan umat Islam di dalam mencapai cita-cita memberi bentuk pemerintahan Indonesia dengan bentuk Islam. Pada hal di dalam kenyataan kelak akan ternyata bahawa tidak cukuplah akan banyak wakil perempuan itu di dalam perwakilan. Dan perempuan-perempuan yang akan bersemangat sebagai lelaki memepjuangkan soal-soal kenegaraan atau kemasyarakatan, baik di sudut dunia yang mana sekalipun, belum tentu satu orang di dalam 100, 000 orang-dan akan rugilah perjuangan Islam kalau pihak-pihak yang bukan berjuang di dalam Islam kaum perempuannya berhak memilih dan dipilih sedang pihak Islam hanya mewajibkan perempuan memilih wakil lelaki sahaja dan haram memilih sesamanya perempuan.

Wakil hal di Indonesia jauh berbeza dengan di Mesir. di dalam masyarakat Islam yang kuat sebagai Minangkabau dan Aceh, semenjak dahulu perempuan itu turut bekerjasama dengan lelaki. Di Aceh dari dahulu sampai sekarang perempuan turut pergi berperang. Baru-baru ini isteri Kolonel Hussin Yusuf memimpin pemberontakan dengan naik kedua, hingga tewas. Pada hal dia baru menzahirkan anak. Pergerakan-pergerakan agama sebagai Muhammadiyah, Nahdat al-Ulama, Masyumi dan lain-lain mempunyai bahagian untuk kaum perempuan. Pendeknya semenjak 40 tahun ini, kaum ibu Islam Indonesia jauh lebih maju di dalam beragama daripada

kaum ibu Mesir, yang oleh kerana pintu al-Azhar tertutup selama ini, perempuan-perempuan itu “lari” belajar cara Barat, dan menukar pakaiannya dengan cara Barat.

Ada pun pada pendapat saya sendiri, duduk di dalam parlimen itu pada asalnya bukanlah tempat perempuan. Perempuan ada haknya dan ada kewajipannya. Kewajipan perempuan adalah mendidik puteranya menjadi putera bangsa dan umat yang gagah perkasa. Dan di dalam masyarakat kampung lelaki membajak sawah, perempuan menghantar kopi dan nasi. Memabajak dan menghantar nasi sama-sama penting. Kalau perempuan telah mengerjakan kerja lelaki, siapa mengatur rumahtangga?? Pada hal bagi kita orang Islam, rumahtangga itulah pokok mendirikan masyarakat dan agama. Kalau suaminya jadi anggota parlimen, isterinya wajib menjaga benteng rumahtangga. Menjaga jiwa dan badan suaminya. Dan kalau isteri jadi anggota parlimen si lelakilah yang wajib menjaga rumahtangga. Dialah ke dapur, melihara anak, dan menyediakan makan buat anggota parlimen yang terhormat yang akan pulang pukul satu nanti. Kalau jumlah lelaki yang tidak mahu bertukar letak itu masih lebih banyak daripada yang mahu, maka perempuan yang akan jadi anggota parlimen itu tidaklah akan banyak. Sayang sekali, di antara lelaki yang belum mahu berganti tempat itu ialah saya sendiri. Ada yang berkata: Serahkan pada babu!-ku jawab: bukankah babi itu perempuan juga? Selamanya orang suka jadi babu?

Kalau begitu maka perempuan-perempuan yang akan jadi anggota parlimen itu ada kalanya: 1. perempuan janda, 2. perempuan yang belum merasai nikmat kahwin, 3. perempuan yang lebih gagah daripada suaminya, 4. perempuan yang pidatonya di parlimen dibuatkan suaminya atau kawan lelaki sepertinya.

Demikianlah duduknya perempuan di parlimen kalau susunan masyarakat kita masih berdasar kepada rumah tangga secara Islam.

Lain halnya dengan di Barat di dalam negeri-negeri yang berdasar Indonesia. Di sana lelaki dan perempuan sama pergi kerja. Sama-sama pergi ke kantor. Anak-anak diserahkan ke rumah pemeliharaan anak-anak. Dan kadang-kadang kalau takut anak akan banyak, lalu meminta ubat kepada doktor, pencegah banyak anak. Tetapi setelah saya datang ke Amerika saya perhatikan setelah kaum perempuan diberi hak memilih dan terpilih itu, tidak juga banyak wakil perempuan di dalam parlimen. Dahulu (100 tahun yang lalu) perempuan menuntut hak sekeras-kerasnya, sekarang setelah diberi, nyatalah yang duduk di dalam parlimen itu tidak juga banyak jumlahnya. Masyarakat perempuan pada umumnya sudah kembali kepada insaf akan kewajipannya yang asal. Kalau tidak orang-orang milenier, kalau hanya orang biasa lebih sukalah dia memelihara rumahtangga dan anak-anaknya di rumah. Jarang yang memakai babu. Dia sendiri membeli keperluan dapur ke kedai. Dia sendiri membawa pulang. Dan dalam dewan perwakilan Amerika Syarikat yang jumlah penduduknya 160 juta itu, wakil kaum wanita tidaklah sampai 20 orang-dan negeri Sweden sampai sekarang perempuan masih tetap memanda bahawa duduk dalam perwakilan itu bukanlah tugasnya.

Wal hasil, perempuan Barat sekarang hendak kembali ke dalam keindahan rumahtangga. Sudah bukan sedikit jumlahnya yang merasa semenjak zaman industri ini nikmat rumahtangga telah hilang. Mereka mulai mencela hidupnya sendiri. Ada pun perempuan-perempuan di Timur berseru-seru minta hak, sehingga lupa kewajipannya. Kadang-kadag sebabnya tiada lain hanyalah kerana merasa bahawasanya hidup yang lebih bagus dan lebih indah itu hanyalah hidup secara Barat. Kadang-kadang dibungkus keinginan hendak menzahirkan diri di muka umu, supaya nampak oleh lelaki dengan sebutan yang lebih halus iaitu hak minta disamakan dengan lelaki. Hak jadi anggota parlimen. Kadang-kadanga juga kita dengar perempuan-perempuan yang keras suaranya. Banyak bantahan di dalam rapat bersama-sama lelaki dan perempuan, membantah ke sana menentang

ke mari, setelah diselidiki ternyata ada beberapa penyakit jiwa yang menimpa dirinya, yang perlu diselidiki oleh ahli-ahli ilmu psikologi.

Tidaklah saya mendapat nas yang sarif melarang perempuan jadi anggota parlimen atau perwakilan.

Baik dari al-Quran atau dari al-Hadis. Kalau saya hendak menetapkan haramnya, lain tidak saya hanya akan menetapkan lebih dahulu pendirian saya sendiri, lalu saya beri alasan dengan al-Quran atau al-Hadis.

Lelaki dan perempuan memang sama berhak dan sama berkewajipan tetapi tidaklah sama hak dan sama kewajipan. Tumbuhan suatu hukum adalah menurut alat. Alat dipengaruhi oleh zaman dan makna, waktu dan ruang. Kalau sekiranya duduk di dalam parlimen itu dipandang oleh kaum perempuan adalah haknya juga. Saya percaya tidaklah seluruh perempuan akan menerima hak itu. Lebih banyak jumlahnya perempuan yang masih tetap pendirian bahawa haknya yang sebenarnya adalah mendidik anak, mengatur rumahtangga. Kerana dari didikan yang baik dan rumahtangga yang berbahagian jugalah datangnya umat besar dan jiwa yang merdeka.

Saya tidaklah melarang perempuan jadi anggota parlimen, saya tidaklah meharamkan, lebih baik diberikan hak itu. Keadaan kelakannya akan menunjukkan setelah dia duduk di sana, bahawasanya perempuan tetap perempuan. Walau dianya duduk di mana. Yang insaf akan segera kembali pulang, dan yang telah merasa dirinya sebagai lelaki atau yang ingin menunjukkan bahawa dia lebih gagah dari lelaki biarlah tinggal, supaya parlimen itu lebih "ramai" -kalau tidak dilepaskan lebih dahulu, keadaan akan lebih "ramai".

Di Indonesia perempuan berhak memilih dan dipilih!

Sembahyang Ma'raj Orang yang Beriman!

Baru sahaja saya selesai arripada sembahyang Isya' dan doa tasbihnya, sungguh sedap dan nikmatnya seorang yang sembahyang dengan sebenar-benarnya, dan sungguh indah, apakala seseorang mukmin mendapati dirinya menghadap bulat-bulat kepada Allah beberapa kali sehari semalam.

Sembahyang-sembahyang ini ialah anasir yang sejati di dalam judul pendidikan bagi hati manusia "di bumi" iaitu menjadi tiang kehidupan ruhaninya ketika dia berpindah-pindah dalam segala jenis hawa nafsu, hajat kehendak jasad dan perhiasan-perhiasan hidup yang menarik dan memperdayakan. Rasanya tujuan sembahyang yang demikian tingginya itu adalah mentafsirkan sebahagian daripada perkaitan di antara firman Allah *ṣubḥānahu wa Ta'āla*: "*qum al-līl*". (berdirilah kamu sembahyang pada malam hari) dengan firman-Nya: "*inna laka fī al-nāhri subḥā tawīlā*" (sesungguhnya engkau pada siang hari banyak pekerjaan). Sebagaimana yang tersebut di dalam surah al-Muzmal.

Malangnya (kebanyakan) orang-orang Islam tidak mengerjakan sembahyang menurut keadaannya yang sebenar, kalau mereka melakukan yang demikian nescaya sembahyang itu akan menyedarkan mereka kepada diri mereka dan kepada Tuhan mereka dengan penyedaran yang cukup selamat dan penuh dengan berkat pada asas dan arahnya.

Tuhan Azza wa Jalla telah menentukan sembahyang dengan "*laylat al-ma'rāj*", dan telah memerintahkan Nabi-Nya (SAW) mengerjakannya ketika ia berada di atas sidratulmuntaha. Hakikat ini akan berkekalan terus menerus, menjadikan roh melalui perhubungan itu meningkat naik ma'raj ke hadrat Allah!

Sungguh benar Rasulullah *ṣallā Allāh 'alaihī wa sallam* yang bersabda: "*al-ṣalāt ma'rāj al-mu'min*" (sembahyang itu menjadi ma'rāj-tangga-bagi orang-orang yang beriman).

-Sa'id Ramaḍān